

“Api berjaya dikawal pada jam 3.45 petang dan padam sepenuhnya pada jam 12.04 tengah malam tadi,” katanya pada sidang media selepas Majlis Perhimpunan Bulanan JBPM di Balai Bomba dan Penyelamat Seremban 2 di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Hamdan berkata dipercayai terdapat pelbagai jenis bahan kimia yang terbakar dalam kejadian semalam.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya masih menjalankan siasatan lanjut termasuk keadaan kualiti udara di kawasan itu, yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Ditanya sama ada Pusat Kualiti Alam mematuhi peraturan JBPM, Hamdan berkata setakat ini pihak terbabit mematuhi setiap peraturan yang ditetapkan.

Malah, katanya, selepas kebakaran pertama di situ pada 2015, pusat itu melantik perunding dan setakat ini sudah membuat banyak perubahan dalam memastikan keadaan kawasan itu lebih baik.

Sementara itu, mengenai cadangan memindahkan Pusat Kualiti Alam kerana jarak lokasi dengan penempatan awam kurang daripada 500 meter, beliau berkata faktor arah angin turut perlu diambil kira kerana ia punca udara dari kawasan itu sampai kepada penduduk.

“Bagi bomba, selagi pusat itu mematuhi syarat ditetapkan, tiada masalah kerana jika ditempatkan di kawasan jauh tetapi (masih berlaku pencemaran) kerana faktor arah angin, tiada apa yang dapat dibuat,” katanya.

Semalam dilaporkan, sebuah stor terbuka berkeluasan 20,000 kaki persegi di Pusat Kualiti Alam di sini, terbakar kira-kira 80 peratus dalam kejadian jam 1.06 tengah hari, namun tiada mangsa yang terbabit dalam kejadian itu.

Selain itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, memaklumkan kerajaan negeri akan menemui Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim pada 7 Oktober ini untuk mencadangkan supaya Pusat Kualiti Alam dipindahkan jauh dari lokasi penempatan awam.